

→ PENDIDIKAN

Empower ECER Mahkota bantu pertingkatkan ekonomi rakyat

→ Program lahir usahawan luar bandar mampu raih sehingga RM15,000 sebulan

Oleh Shahrinnahar Latib
bhnews@bh.com.my

► Kuantan

Program Latihan Kemahiran dan Keusahawanan Empower Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECER) Mahkota membantu meningkatkan sosio-ekonomi rakyat luar bandar terutama yang berpendapatan rendah (B40) untuk keluar daripada kemiskinan.

Program hasil usaha sama antara Majlis Pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECERDC) dan Universiti Malaysia Pahang menerusi anak syarikatnya, UMP Advanced Education turut melahirkan usahawan luar bandar yang mampu meraih pendapatan sehingga RM15,000 sebulan.

Pengurus Besar Sosio Ekonomi dan Projek Khas UMP Advanced Education, Zainal Bahari, berkata Empower ECER Mahkota yang dilaksanakan sejak 2012 memberi fokus

kepada golongan B40 di tiga daerah iaitu Kuantan, Bera dan Pekan.

Bermula dari 2012 hingga 2016, katanya, seramai 775 peserta mendapat manfaat daripada program latihan itu.

643 orang tambah pendapatan

"Daripada jumlah itu, seramai 643 orang berjaya meningkatkan pendapatan sama ada menerusi penempatan pekerjaan atau membuka perniagaan.

"Kita turut melahirkan 230 usa-

hawan pelbagai bidang sehingga ada yang memperoleh pendapatan sehingga RM15,000 sebulan," katanya di UMP Advanced Education di Gambang, dekat sini, semalam.

Zainal berkata, Empower ECER Mahkota turut dilihat sebagai platform sesuai dalam membuka peluang bagi tenaga kerja sedia ada meningkatkan kemahiran dan memajukan diri supaya kekal relevan dengan persekitaran ekonomi dinamik.

"UMP Advanced Education yang bertindak sebagai penyedia latihan program Empower ECER Mahkota turut bekerjasama bersama agensi berkaitan, selari dasar Strategi Lautan Biru Kebangsaan (NBOS)," katanya.

Sementara itu, beliau berkata, Medan Ikan Bakar di Kuala Pahang, Pekan adalah manifestasi kejayaan program Empower ECER Mahkota bagi mewujudkan peluang perniagaan kepada peserta dan penduduk tempatan.